



PERKHIDMATAN PENDIDIKAN JARAK JAUH (PJJ)

**Perkhidmatan ini disediakan kepada pelajar
Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) bagi memenuhi keperluan
maklumat pembelajaran dan penyelidikan mereka.**

JENIS PERKHIDMATAN

1. PERKHIDMATAN PINJAMAN BUKU

I. KELAYAKAN PINJAMAN BUKU

- Pelajar Prasiwazah dibenarkan meminjam 10 buah buku daripada Koleksi Am selama 30 hari.
- Pelajar Pascasiswazah dibenarkan meminjam 20 buah buku daripada Koleksi Am selama 30 hari.
- Koleksi PJJ (Modul) boleh dipinjam mengikut kelayakan.

II. PINJAMAN MELALUI POS

Pelajar yang tinggal jauh dari kampus boleh membuat pinjaman melalui pos. Untuk menggunakan perkhidmatan ini, sila hubungi Pustakawan PJJ dengan menyertakan butiran berikut:

- Nama penuh pemohon, nombor matrik, emel, nombor telefon dan alamat surat-menyurat. (Pelajar tidak perlu menghantar kad matrik bersama-sama permohonan).
- Maklumat buku: judul, nama pengarang, nombor panggilan. Sila semak KOHA WebOPAC.

Nota: Penghantaran buku adalah percuma. Walau bagaimanapun, kadar bayaran pos (pos laju) untuk pemulangan buku ditanggung oleh pelajar.

III. TEMPOH PEMULANGAN BUKU

- Buku hendaklah dipulangkan pada tarikh yang dicop di atas slip tarikh pemulangan. Pelajar perlu memulangkan buku dengan segera sekiranya buku tersebut dikehendaki oleh pihak Perpustakaan. Perpustakaan akan menghantar notis bagi pinjaman yang melewati tempoh tetapi tidak akan bertanggungjawab sekiranya notis tersebut tidak sampai kepada pengguna.

- Bagi bahan yang dipulangkan melalui pos, pelajar dinasihatkan untuk memulangkan buku 3 hari lebih awal dari tarikh pemulangan.

IV. DENDA

- Pelajar yang lewat memulangkan buku pada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak RM0.20 sehari bagi setiap buah buku.

2. TEMPANAH BUKU

Buku yang sedang dipinjam oleh pelajar lain boleh ditempaht. Pelajar hanya perlu menyemak KOHA WebOPAC untuk mengetahui jika buku tersebut telah dipulangkan. Pelajar boleh mengambil sendiri bahan atau hubungi Pustakawan PJJ untuk penghantaran melalui pos.

3. PEMBAHARUAN PINJAMAN

Pelajar boleh memperbaharui pinjaman secara dalam talian atau menghubungi Pustakawan PJJ melalui e-mel, telefon atau surat sekurang-kurangnya 2 hari sebelum tarikh pemulangan. Pembaharuan pinjaman hanya boleh dilakukan sebanyak 2 kali sahaja. Sebarang masalah boleh menghubungi Pustakawan PJJ dengan menyediakan maklumat berikut:

- Nama pemohon
- No. matrik
- Maklumat buku (judul, nama pengarang, nombor panggilan)

4. PERKHIDMATAN PENELITIAN MAKLUMAT

Perkhidmatan Penelitian Maklumat merupakan perkhidmatan berbayar yang disediakan oleh Bahagian Rujukan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) untuk membantu pengguna perpustakaan mendapatkan maklumat bagi menjalankan projek penyelidikan, penulisan

ilmiah, kertas kerja atau kerja kursus. Perkhidmatan ini terbuka kepada semua pelajar dan staf UPM termasuk ahli / pengguna luar UPM (persendirian / kakitangan kerajaan / kakitangan swasta).

Bahan yang diperoleh adalah daripada pelbagai sumber maklumat elektronik seperti pangkalan data atas talian dan internet. Hasil penelitian adalah berbentuk teks penuh artikel jurnal, bab dalam buku, senarai rujukan dan abstrak.

KADAR BAYARAN

Teks penuh

- RM 30.00 (1-10 artikel)
- RM 50.00 (11-30 artikel maksima)

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Perkhidmatan Penelitian Maklumat

Bahagian Rujukan

Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Tel: +603- 9769 8642

Emel: psas_ppm@upm.edu.my

5. RUJUKAN KE PERPUSTAKAAN LAIN

Pelajar perlu pamerkan **PUTRAVID** jika ingin membuat rujukan ke perpustakaan lain.

Pelajar hanya boleh membuat rujukan sahaja.

6. PERKHIDMATAN PEMBEKALAN DOKUMEN (PPD)

Perkhidmatan Pembekalan Dokumen (PPD) adalah untuk membantu pelajar mendapatkan bahan yang tiada di dalam koleksi perpustakaan melalui kerjasama antara perpustakaan sama ada dari dalam maupun luar negara. Permohonan boleh dibuat melalui EZaccess. <https://ezaccess.upm.edu.my>

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Perkhidmatan Pembekalan Dokumen

Bahagian Perkhidmatan Pengguna

Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Tel: +603- 9769 8635

Emel: pap1@upm.edu.my

7. PROGRAM LITERASI MAKLUMAT

I. KELAS PELAJAR BAHARU

- Program ini disediakan untuk pelajar baharu yang mendaftar di UPM. Program ini diadakan selama 2 - 3 minggu pada awal semester pertama setiap sesi pengambilan pelajar baharu.

II. BERJADUAL

- Program ini juga dijalankan secara berterusan dan ditawarkan kepada semua pelajar UPM. Jadual program ini dipaparkan di laman web perpustakaan.
- Kelas yang disediakan adalah:
 - Kelas Mingguan
 - Kelas Pangkalan Data
 - Kelas Prasiswazah

III. PERMOHONAN

1. Program ini terbuka kepada semua pelajar UPM sepanjang semester.
2. Jumlah minimum adalah 5 orang: kelas di Perpustakaan.
3. Jumlah minimum adalah 3 orang: kelas secara dalam talian.
4. Modul kelas ini meliputi topik-topik berikut:
 - *Advanced Literature Search*
 - *Managing References with Mendeley*
 - *Similarity Checker with Turnitin*
 - *Scholarly Publishing Guide*
 - *Styling and Formatting with Microsoft Word*

8. KHIDMAT NASIHAT PENYELIDIKAN SECARA INDIVIDU

Khidmat nasihat penyelidikan secara individu adalah untuk membantu pelajar dalam strategi pencarian maklumat yang berkesan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Perkhidmatan PJJ

Bahagian Rujukan

Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-9769 7945

E-mel: najah@upm.edu.my

WhatsApp: +6013-3855 880

<http://www.lib.upm.edu.my>